

**TEKS UCAPAN**  
**YB. DATUK DR. EWON EBIN**  
**MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**  
**SEMPENA MAJLIS PENYAMPAIAN AMANAT 2015**  
**24 FEBRUARI 2015**  
**DEWAN PLENARI, PICC, PUTRAJAYA**

Yang Berhormat Datuk Dr. Timbalan Menteri

Yang Berbahagia Dato' Sri Dr KSU dan Pengurusan Tertinggi MOSTI

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi MOSTI

Warga MOSTI, serta Jabatan dan Agensi sekalian

### **Pendahuluan**

Pertamanya saya merasa sukacita kerana berkesempatan bertemu dengan seluruh warga kerja MOSTI serta jabatan dan agensi di bawahnya di perhimpunan kita yang pertama untuk tahun 2015 pada pagi ini. Sesungguhnya masa berlalu begitu pantas sekali dan kini kita telahpun berada dalam bulan Februari 2015. Walau bagaimana pun, masih belum terlambat rasanya untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baru 2015 kepada seluruh warga MOSTI dan Selamat Menyambut Tahun Baru Cina bagi yang meraikannya.

## **Pencapaian 2014**

2. Mengimbau kembali, **tahun 2014 merupakan tahun yang amat mencabar** bagi negara kita. Kehilangan pesawat **MH370** pada pagi 8 Mac, diikuti kemalangan ke atas pesawat **MH17** pada 17 Julai dan selepas itu **banjir** besar yang melanda Kelantan, Pahang dan Terengganu pada akhir tahun mendapat liputan meluas dalam media seluruh dunia. Pada masa yang sama, negara berhadapan dengan cabaran menguruskan ekonomi dalam suasana **kejatuhan harga minyak** dan juga **nilai tukaran Ringgit Malaysia**.
3. Di sebalik insiden tersebut, tidak dapat dinafikan ia telah juga **meningkatkan pendedahan dan kesedaran mengenai peranan STI** melalui pendedahan yang diberikan oleh stesen-stesen media kepada pakar-pakar dalam bidang yang berkaitan. Ia juga turut menyuntik **semangat perpaduan di kalangan seluruh rakyat Malaysia** yang berbilang bangsa dan agama untuk bersatu dan bersama membantu mereka yang ditimpa musibah.
4. Saya amat berbangga dengan **penglibatan MOSTI** baik secara profesional mahu pun secara sukarela. Seperti mana kita sedia maklum, agensi MOSTI seperti **ARSM, Met Malaysia dan ATSB** terlibat secara langsung dalam pencarian pesawat **MH370**; Jabatan Kimia dalam analisis DNA mangsa **MH17**; manakala ARSM dan Met Malaysia adalah antara agensi barisan hadapan semasa pengurusan bencana banjir.

Warga MOSTI sekalian,

5. Insiden banjir juga telah menyuntik **semangat kesukarelawanan (volunteerism)** di kalangan warga MOSTI. Saya mengucapkan syabas kerana MOSTI telah berjaya menghantar 6 **misi bantuan pasca banjir** ke Bera, Temerloh dan Pekan, Pahang. Misi ini melibatkan 343 orang sukarelawan dan bantuan berupa wang tunai berjumlah RM17,168 dan barang bernilai RM107,000 telah juga disampaikan kepada mangsa yang terlibat.
6. Dari segi **prestasi 'core-business'** MOSTI secara keseluruhan, tahun 2014 boleh dianggap sebagai tahun yang membanggakan. **MOSTI telah berjaya mencapai tahap KPI 134%** dan pencapaian ini telah saya maklumkan semasa pertemuan dengan YAB Perdana Menteri, Selasa lalu.
7. Kecemerlangan MOSTI pada tahun 2014 telah mendapat **pengiktirafan di dalam dan luar negeri**. Antara anugerah-anugerah utama yang telah diterima oleh MOSTI pada tahun 2014 adalah:
  - (i) Di bawah pengiktirafan **Ikon Pengurusan Projek 2014** oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ketua Setiausaha Negara, MOSTI menduduki tempat pertama bagi Kategori Projek Bukan Fizikal dan tempat kedua bagi Lawatan Turun Padang Terbaik;

- (ii) Agensi Nuklear Malaysia menerima **Plants Mutation Breeding Award** daripada International Atomic Energy Agency (IAEA);
- (iii) Met Malaysia memenangi **Anugerah Kecemerlangan Geospatial (AGK 2014)** melalui projek Fire Danger Rating System (FDRS);
- (iv) Agensi Remote Sensing Malaysia memenangi **Anugerah Inovasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (AIICT 2014)** melalui projek Sistem Penentuan Lokasi Penangkapan Ikan (FSI);
- (v) CyberSecurity Malaysia berjaya menduduki tempat ketiga dalam **Global Level in the Global CyberSecurity Index** oleh International Telecommunication Union 2014; dan
- (vi) Agensi Angkasa Negara memenangi pingat emas di **National Innovation and Invention Competition through Exhibition (iComEx'14)** dan **International Innovation, Design and Articulation 2014 (i-IdeA2014)** melalui projek Rural Medical Emergency System (REMS).

8. Selama hampir 2 tahun saya menjawat Menteri MOSTI, banyak kejayaan telah kita capai. Sesungguhnya pencapaian dan kejayaan ini adalah hasil kerja keras, kerjasama dan komitmen daripada semua warga MOSTI dan saya berharap anugerah-anugerah tersebut menjadi

pendorong kepada warga MOSTI untuk terus meningkatkan prestasi masing-masing.

## **Hala Tuju 2015**

9. Melangkah ke hadapan, saya berharap MOSTI serta jabatan dan agensi akan terus berusaha bagi melonjakkan prestasi STI negara dan mencapai matlamat **Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN)**, iaitu menjadi sebuah **negara yang maju sains (*scientifically advanced nation*)** menjelang 2020.

10. Kini kita telah memasuki fasa **persediaan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11)** yang merupakan rancangan pembangunan terakhir sebelum mencapai Wawasan 2020. Saya berharap MOSTI serta jabatan dan agensi memberi perhatian khusus kepada cadangan projek-projek di bawah RMKe-11 dengan membuat **anjakan daripada projek-projek berciri “business as usual” kepada “game changer”** yang bakal melonjakkan daya saing dan prestasi STI negara.

11. Pada masa yang sama, saya menyeru agar dipastikan **segala program dan projek yang dirancang pada tahun 2015 dilaksanakan mengikut jadual** dan menepati sasaran yang telah ditetapkan. Namun demikian, suka saya ingatkan agar dalam kegairahan mencapai sasaran, **mestilah berpandukan peraturan dan seiring dengan langkah penjimatan dan perbelanjaan berhemat.**

12. Saya juga ingin menyeru agar MOSTI memastikan kesinambungan inisiatif **Tahun Pengkomersilan MOSTI 2014** yang mana melalui inisiatif tersebut sebanyak 104 produk R&D telah berjaya dikomersilkan sementara 932 lagi berpotensi dikomersilkan. Kita sedia maklum, **Bajet 2015 telah mensasarkan pengkomersilan 360 produk inovasi berimpak tinggi dalam tempoh 5 tahun.**

13. Saya yakin dengan adanya **peruntukan dana Science Fund dan pre-pengkomersilan berjumlah RM195 juta pada tahun 2015**, dan program penjenamaan SIRIM (**SIRIM rebranding**) serta penglibatan agensi-agensi MOSTI yang lain, seperti BiotechCorp, Cybersecurity, MIMOS, MRM MTDC, NIBM, Standards Malaysia, TPM, serta Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), MOSTI berupaya mencapai sasaran pengkomersilan. MTDC juga terlibat secara langsung dalam inisiatif *Public Private Research Network (PPRN)* Kementerian Pendidikan yang bakal dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri tengahari nanti.

14. Saya dimaklumkan bahawa sebagai persediaan untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh YAB PM itu, MOSTI telah mengambil inisiatif **menambahbaik pengurusan Dana R&D&C**. Ini termasuklah **penstrukturkan semula Bahagian Dana** selaku pengurus peruntukan R&D&C di Kementerian dan kajian semula bidang keutamaan. Selain itu, tahun 2015 juga akan **menyaksikan peluasan skop dana bagi meliputi aktiviti ‘facilitation’ dan juga inovasi sosial (social innovation)**. Melalui peluasan skop, dana pre-pengkomersilan yang diurus oleh MOSTI akan membayai aktiviti-aktiviti yang boleh membantu meningkatkan tahap ‘commercial readiness’ produk-produk R&D.

15. Dalam usaha memantapkan fungsi dan peranan MOSTI selaku peneraju agenda STI negara, beberapa **dasar dan rang undang-undang** yang berkaitan telah dan sedang ditambahbaik. Sidang Parlimen pada bulan Mac ini akan menyaksikan pembentangan **Rang Undang-Undang Teknologi dan Juruteknik 2014** untuk bacaan seterusnya dan akan memberi laluan kepada penubuhan **Majlis Teknologis Malaysia (MBOT)**. Penubuhan MBOT akan memberi pengiktirafan kepada kerjaya teknologis dan memperkasa pendidikan teknik dan vokasional (TEVT). Sidang ini juga akan menyaksikan pembentangan **Rang Undang-Undang Ahli Kimia (Pindaan) 2015** bagi memperluas fungsi Institut Kimia Malaysia seiring dengan perkembangan terkini dalam bidang dan profesion kimia.

16. Selain itu, saya juga berharap MOSTI dapat memuktamadkan **Dasar Angkasa Negara, Dasar Nanoteknologi Negara, dan Hala Tuju Strategik Internet of Things (IOT) Negara** bagi membolehkan perkara ini diangkat untuk pertimbangan Jemaah Menteri secepat mungkin.

17. Selain daripada penggubalan akta dan rang undang-undang, saya difahamkan bahawa usaha **penstrukturran semula Kementerian** sedang berjalan di bawah seliaan Dato' Sri Dr. KSU dan kini berada di peringkat akhir sebelum dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk pertimbangan. Melalui penstrukturran semula ini, saya berharap fungsi bahagian-bahagian di MOSTI **disusun semula selaras dengan pelaksanaan DSTIN, Pelan Transformasi Perkhidmatan Awam** dan juga **pelaksanaan sistem pengurusan belanjawan yang berdasarkan outcome (Outcome-based Budgeting atau OBB)**.

18. Selain daripada **pembangunan STI**, saya berharap MOSTI terus meningkatkan sistem penyampaian **perkhidmatan STI**, termasuk **penyampaian maklumat secara cepat, tepat dan mudah difahami** kepada orang awam. Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan STI seperti analisis forensik, sistem amaran awal tsunami, ramalan cuaca dan *remote sensing*, standards, khidmat nasihat STI dan inkubasi (*incubation*), penambahbaikan berterusan dalam meningkatkan penggunaan teknologi dan kepakaran adalah amat penting.

19. Dalam konteks **pengurusan bencana**, insiden banjir pada tahun lepas menuntut jabatan dan agensi kerajaan yang terlibat, termasuk agensi MOSTI, iaitu ARSM dan Met Malaysia untuk terus berusaha meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan masing-masing. Saya ucapkan tahniah kerana difahamkan bahawa Unit Perancang Ekonomi telah memberi respon yang positif ke atas permohonan peruntukan yang dikemukakan oleh ARSM dan Met Malaysia.

20. Pada tahun 2015, saya juga ingin melihat usaha terus dipergiat untuk **membudayakan STI di segenap lapisan masyarakat**. Selain daripada usaha ke arah memastikan **Anugerah Inovasi Negara (AIN)** dan **Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan (NICE)** kekal sebagai acara kemuncak STI tahunan, program-program di peringkat negeri dan daerah perlu diperbanyak, termasuk dengan kerjasama kerajaan negeri dan juga persatuan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGOs). Saya juga sukacita dengan usaha giat MOSTI menyebar maklumat mengenai STI

menerusi **media sosial** dan berharap ianya dapat menarik lebih ramai pengunjung dan membantu usaha meningkatkan kesedaran mengenai STI.

21. Akhir sekali, dalam konteks **kerjasama STI antarabangsa**, saya ingin menyeru agar MOSTI, jabatan serta agensi menyemak strategi, pencapaian dan bidang fokus penglibatan masing-masing di peringkat antarabangsa supaya dapat memanfaatkan sepenuhnya kerjasama yang terjalin baik di peringkat dua hala, serantau, dan pelbagai hala. Selaras dengan peranan Malaysia sebagai pengurus semasa ASEAN, MOSTI wajar memastikan Malaysia menyumbang secara aktif dalam usaha meningkatkan kerjasama STI dengan negara-negara ahli ASEAN dan juga rakan dialog ASEAN-STI.

Warga MOSTI yang saya hormati sekalian,

22. Bagi mengakhiri majlis pada pagi ini, sekali lagi saya ingin menyeru semua warga MOSTI supaya sama-sama mengamalkan nilai kerja yang bermutu tinggi, amanah, inovatif dan kreatif serta meningkatkan kepantasan cara bekerja. Kita tinggalkan tahun 2014 dengan penuh kenangan dan pencapaian yang cemerlang. Semoga kita dapat memperkuatkan lagi keazaman dan semangat kita semua untuk meneruskan visi, misi dan kecemerlangan MOSTI pada tahun 2015.

Sekian, terima kasih.